# TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN – SESI 16 – SURAH AL-BAQARAH (AYAT 46 – 52)

https://youtu.be/ZPx4Hq7N11E

*VIDEO – [Durasi – 1j 32m 40s] -Sesi 16 – Surah al-Baqarah (Ayat 46 – 52) – Maulana Asri – [Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran]*

# TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN – SESI 16 – SURAH AL-BAQARAH (AYAT 46 – 52)

### TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

1- 01:27 – Ayat 47 – Bermaksud: "Wahai Bani Israil, kenangilah ni'mat-Ku yang telah Aku kurniakan kepadamu"

2- 06:11 – Nota 99

3- 19:45 – Ayat 48 – "Dan peliharalah dirimu dan (azab sengsara) hari (akhirat), yang seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), tidak diterima syafaat daripadanya"

4- 28:45 – Nota 100

5- 36:52 – Nota 100 – Sedia dima'lumi bahawa orang-orang kafir tidak diredhai Allah kerana kekufuran mereka.

6- 51:17 – Ayat 48 – "Dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan"

7- 51:36 – Nota 101

8- 57:19 – Ayat 49

9- 01:02:13 – Nota 102

10 – 01:08:42 – Ayat 50 – "Dan (ingatlah), ketika Kami belah laut untukmu, lalu Kami selamatkan kamu"

11- 01:10:11 – Nota 103

12- 01:16:41 – Ayat 50 – "Dan Kami tenggelamkan (Fir'aun) dan kuncu-kuncunya sedang kamu sendiri menyaksikan (peristiwa itu)"

13- 01:20:41 – Nota 104

14- 01:25:42 – Ayat 51

15- 01:29:41 – Ayat 52

**AYAT AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA**

ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ٤٦

46. (Iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya.

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُواْ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّى فَضَّلْتُكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ٤٧

47. Wahai Bani Israil! Kenangkanlah nikmat-nikmatKu yang Aku telah kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku telah melebihkan (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang-orang (yang ada pada zamannya).

وَٱتَّقُواْ يَوْمًا لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَٰعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ٤٨

48. Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan.

وَإِذْ نَجَّيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ٤٩

49. Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan orang-orangnya, yang sentiasa menyeksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian yang demikian itu mengandungi bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu.

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ ٱلْبَحْرَ فَأَنجَيْنَٰكُمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ٥٠

50. Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya.

وَإِذْ وَٰعَدْنَا مُوسَىٰٓ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ٥١

51. Dan (kenangkanlah) ketika kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri).

ثُمَّ عَفَوْنَا عَنكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٥٢

52. Kemudian sesudah itu kami maafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur.

**NOTA KULIAH – MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE**

**NOTA TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN –Surah al-Baqarah (Ayat 35-52)**

**[ https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/tafsir-quran-dgn-quran-nota-4-surah-al-baqarah-ayat-35-52.pdf ]**